

## BAB V

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### **5.1 PENGENALAN**

Perbincangan yang akan diutarakan di dalam bab ini adalah berpandukan kepada segala keputusan yang telah diperolehi daripada penganalisaan data dengan menggunakan min, peratus, ujian-t dan juga korelasi. Ia akan meliputi segala hipotesis yang telah dibuat dan perbincangan akan melibatkan juga keadaan remaja yang dijadikan subjek kajian.

#### **5.2 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN**

##### **Konsep kendiri pelajar**

Keputusan kajian telah membuktikan bahawa konsep kendiri pelajar remaja yang dijadikan sebagai subjek kajian adalah rendah dan negatif pada faktor-faktor tertentu seperti faktor moral-etika (97.5%) dan diikuti oleh faktor keluarga (96.5%). Kemudian oleh faktor sosial (93.5%), faktor fizikal (87.5%) dan akhir sekali faktor peribadi (65%). Keputusan ini mungkin dipengaruhi oleh keadaan pelajar tersebut yang tidak begitu mementingkan faktor moral dan etika malah lebih mengambil berat akan perkara lain seperti pelajaran dan keadaan diri. Jikalau dilihat kepada keadaan mereka, mereka lebih banyak menghabiskan masa untuk mengulangkaji pelajaran memandangkan mereka sentiasa berhadapan dengan ujian dan peperiksaan. Oleh yang demikian tekanan kepada moral dan etika agak berkurangan jika dibandingkan dengan mutu akademik. Mereka juga agak rendah konsep kendiri dalam faktor keluarga. Ini berkemungkinan

keadaan mereka yang mana kebanyakannya adalah datang daripada keluarga yang bekerja dan makan gaji yang memungkinkan mereka kurang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa. Seterusnya faktor sosial. Mereka didapati juga rendah dan negatif konsep kendiri sosial, ini mungkin disebabkan keadaan mereka yang seakan lebih mementingkan pelajaran dan kurang mendapat peluang yang luas untuk bergaul dan bersosial secara positif dan berkesan.

Keputusan kajian tersebut merangkumi semua pelajar yang dijadikan sebagai responden dan ianya meliputi daripada pelbagai jenis keadaan ibu bapa. Sebanyak 33% daripada pelajar yang masih mempunyai ibu bapa, 2% pula datangnya daripada ibu bapa yang telah berpisah dan bakinya (5%) adalah daripada ibu/bapa yang telah meninggal dunia. Oleh yang demikian bolehlah dikatakan bahawa konsep kendiri mereka sedemikian bukanlah disebabkan kerana keadaan ibu bapa mereka.

### **Komunikasi ibu bapa-anak**

Dapatkan daripada kajian ini juga menunjukkan tentang keadaan komunikasi remaja dengan ibu dan bapa mereka. Didapati bahawa remaja lelaki mempunyai masalah dalam berkomunikasi dengan bapa mereka hanya pada sesetengah perkara, seperti 65% masalah mereka datangnya daripada keadaan mereka yang susah untuk berkomunikasi dan menentang pendapat bapa walaupun mereka tidak bersetuju. Keadaan ini akan turut menjelaskan lain-lain komunikasi mereka dengan bapa kerana perasaan mereka seolah-olah telah dipaksa untuk hanya menurut perintah bapa tanpa cuba untuk menjelaskan perasaan dan kehendak sebenar mereka. Seterusnya mereka bermasalah untuk

berkomunikasi dengan bapa dari segi hendak meminta sesuatu kerana merasakan bapa akan menolak semua permintaan mereka (65%). Keadaan ini akan menyebabkan mereka semakin menjadi jauh daripada bapa kerana sukar untuk memberitahu kehendak dan kemahuan mereka. Sementara itu, remaja perempuan juga agak tinggi peratus masalah untuk berkomunikasi dengan bapa dari segi menentang pendapat bapa (90%). Keadaan ini mungkin timbul kerana anak-anak biasa diajar untuk mematuhi segala arahan dan pendapat bapa walaupun tidak bersetuju dengan pendapat tersebut. Masalah komunikasi yang kedua pada remaja perempuan ialah kesukaran mereka untuk meluahkan perasaan kepada bapa (70%). Kesukaran mereka untuk berbincang daripada hati ke hati akan mengganggu secara keseluruhan komunikasi mereka dengan bapa.

Sementara itu dapatan kajian juga membuktikan bahawa terdapat juga masalah pada komunikasi anak-anak dengan ibu, walaupun ibu diketahui sebagai orang rapat dengan anak-anak. Remaja lelaki didapati juga menghadapi masalah untuk menentang pendapat ibu (65%) dan ibu yang sentiasa berleter (65%). Bagi remaja perempuan pula, masalah utama juga kesukaran untuk menentang pendapat ibu (65%) dan juga diikuti masalah leteran ibu (60%).

### **Masalah Remaja Dengan Keluarga**

Masalah yang sentiasa mengganggu remaja dengan keluarga juga dikenalpasti. Ini adalah bertujuan untuk mengetahui apakah masalah besar yang mengganggu remaja dan menyebabkan pembentukan konsep kendiri mereka terjejas. Daripada hasil kajian

didapati bahawa masalah utama remaja lelaki dengan keluarga ialah adanya harapan yang terlalu tinggi daripada keluarga terhadap mereka, di mana sebanyak 65% daripada responden lelaki yang memilih item tersebut. Seterusnya sebanyak 45% daripada mereka yang menyatakan bahawa larangan keluar rumah pada waktu malam merupakan masalah kepada diri mereka. Keadaan ini mungkin disebabkan kerana apabila keluarga terlampau menaruh harapan yang tinggi akan mengakibatkan mereka menjadi tertekan dan sukar untuk menumpukan perhatian ke atas sesuatu perkara kerana merasakan apa yang mereka lakukan bukan lagi kerana minat dan kehendak mereka tetapi hanya sekadar untuk memenuhi harapan ibu bapa yang tinggi itu. Larangan keluar rumah juga mungkin dirasakan tidak patut kerana pada mereka umur remaja seharusnya mereka berseronok di luar bersama kawan-kawan dan tidak lagi terperap di dalam rumah.

Sementara itu remaja perempuan juga berpendapat bahawa harapan keluarga yang terlampau tinggi kepada mereka merupakan masalah kepada mereka di mana sebanyak 55% yang memilih item tersebut. Alasannya mungkin sama dengan remaja lelaki yang merasa tertekan dan takut dengan adanya harapan tersebut. Ini diikuti oleh 45% yang merasakan bahawa keadaan ibu bapa yang terlalu kuat bekerja sebagai masalah kepada mereka sebagai remaja. Sebagai remaja mereka sudah mengerti akan kesusahan ibu bapa mereka untuk menyara anak-anak, oleh itu apabila melihat keadaan ibu bapa yang terlampau kuat bekerja akan menyebabkan mereka merasa bersalah dan bersimpati.

### **Perbezaan konsep kendiri berdasarkan jantina**

Daripada dapatan kajian ini, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara konsep kendiri dengan jantina. Ini bermaksud pembentukan konsep kendiri antara remaja lelaki dan remaja perempuan adalah sama walaupun terdapat sedikit perbezaan pada aspek konsep kendiri mereka. Ini turut menyokong dapatan kajian sebelum ini seperti kajian yang dijalankan oleh Primavera dan rakan-rakannya (1974), kajian yang dijalankan oleh Douvan & Adelson (1968), Fatimah Yussof (1983), Nabun Ahmad (1984), Jamiaah Kechut (1985), Kalthum Othman (1987), Abdul Razak Abdullah (1988) dan juga kajian oleh Hamdan bin Mahfoh (1989).

### **Perbezaan komunikasi ibu bapa-anak berdasarkan jantina**

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara komunikasi anak dengan ibu bapa berdasarkan jantina. Remaja lelaki dan remaja perempuan masing-masing bermasalah pada bahagian kesukaran untuk menyatakan perasaan sendiri dan menentang pendapat ibu bapa. Keadaan ini mungkin disebabkan mereka telah terdidik semenjak kecil untuk mematuhi arahan ibu bapa dan tidak boleh menentang atau menolak. Akan tetapi mereka tidak sedar kesediaan mereka pada waktu kecil adalah berbeza dengan kesediaan mereka pada waktu remaja. Apabila remaja mereka mempunyai kehendak dan perasaan sendiri, berbeza dengan keadaan mereka semasa mereka masih kecil. Oleh itu kesediaan mereka pada masa remaja

mungkin bersama keterpaksaan dan ini lama-kelamaan akan membentuk masalah dan kendiri yang negatif pada diri mereka.

Mereka juga sama pada masalah komunikasi dengan ibu di mana merasakan leteran ibu adalah mengganggu komunikasi mereka dengan keluarga. Walaupun pada ibu, leteran adalah nasihat dan tunjuk ajar, namun pada remaja leteran itu adalah suatu yang menyakitkan dan membosankan mereka kerana seoalah-olah ibu menyalahkan mereka.

Walaupun terdapat sedikit perbezaan pada komunikasi remaja lelaki dan perempuan dengan bapa, namun ia adalah kecil sahaja iaitu remaja lelaki merasakan takut untuk meminta sesuatu daripada bapa berbanding remaja perempuan yang sukar untuk meluahkan perasaan terhadap bapa. Keadaan ini mungkin disebabkan kerana remaja lelaki sentiasa meminta sesuatu daripada ibu dan apabila sesekali cuba untuk meminta sesuatu daripada bapa, mereka takut bapa akan menghampakannya walaupun mereka belum cuba untuk memintanya. Sementara itu remaja perempuan pula merasa sukar untuk meluah perasaan terhadap bapa kerana perbezaan jantina mereka yang memungkinkan sesetengah perkara tidak elok untuk dibincangkan. Mungkin juga kerana biasanya remaja perempuan lebih rapat dengan ibu mereka dan jarang berbual-bual dengan bapa apatah lagi untuk meluahkan perasaan mereka. Keadaan emosi dan perasaan yang berbeza antara lelaki dengan perempuan juga menambahkan lagi kesukaran remaja perempuan untuk bercerita tentang perasaan dengan bapa.

## **Perbezaan masalah remaja dengan keluarga berdasarkan jantina**

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara masalah remaja dengan keluarga berdasarkan jantina. Remaja lelaki dan remaja perempuan didapati mempunyai masalah yang sama dengan keluarga iaitu harapan keluarga yang terlampau tinggi terhadap mereka. Ini menjadi masalah utama mereka dengan keluarga kerana masing-masing tidak merasa tenang dan seolah-olah terpaksa dalam melakukan sesuatu kerana harapan yang tinggi tersebut. Mungkin daripada pihak ibu bapa harapan tersebut akan mendatangkan motivasi kepada anak tetapi daripada sudut anak pula, harapan yang terlampau tinggi akan menyebabkan tekanan kepada mereka sekiranya mereka tidak berjaya menunaikannya. Seterusnya remaja lelaki dan perempuan juga merasakan satu masalah pada mereka sekiranya ibu bapa sentiasa sahaja menentang rancangan yang mereka fikirkan. Ini mungkin kerana mereka merasakan mereka sudah dewasa untuk merancang sesuatu tanpa bantuan ibu bapa akan tetapi ibu bapa pula merasakan mereka masih belum layak untuk berbuat demikian.

Walaupun begitu masih ada sedikit perbezaan antara lelaki dan perempuan, akan tetapi perbezaannya amatlah kecil. Remaja lelaki merasakan larangan keluar rumah pada waktu malam adalah suatu masalah pada mereka sedangkan pada remaja perempuan tidak tetapi yang menjadi masalah ialah keadaan ibu bapa yang terlampau kuat bekerja.

## **Kaitan di antara konsep kendiri dengan komunikasi ibu bapa-anak dan masalah remaja.**

Berdasarkan kepada dapatan kajian, didapati bahawa tidak terdapat sebarang kaitan yang signifikan di antara konsep kendiri dengan komunikasi ibu bapa-anak dan juga masalah remaja dengan keluarga. Ini bermakna walaupun terdapat masalah pada komunikasi responden dengan ibu bapa dan juga ada masalah dengan ibu bapa pada sesetengah perkara, namun semuanya bukanlah merupakan kaitan kepada pembentukan konsep kendiri mereka, sama ada positif ataupun negatif.

Secara keseluruhannya tidak terdapat kaitan di antara pembentukan konsep kendiri remaja dengan cara komunikasi mereka dengan ibu bapa sebagaimana tidak terdapat kaitan juga dengan pembentukan kendiri mereka walaupun mereka mempunyai masalah dengan keluarga.

Daripada dapatan kajian, menunjukkan bahawa komunikasi remaja lelaki tidak ada kaitan yang signifikan dengan ibu bapa dan juga masalah yang mengganggu mereka dengan ibu bapa. Akan tetapi terdapat sedikit kaitan pada komunikasi remaja perempuan dengan bapa. Ini menunjukkan bahawa komunikasi remaja perempuan dengan bapa akan mempengaruhi pembentukan konsep kendiri mereka kerana terdapat kaitan. Walaupun begitu tidak terdapat kaitan dengan komunikasi ibu dan masalah yang mengganggu.

### **5.3 KESIMPULAN**

Kajian ini pada asasnya adalah untuk melihat konsep kendiri remaja, kaitan konsep kendiri mereka dengan komunikasi mereka dengan ibu bapa dan juga masalah yang sentiasa mengganggu mereka dalam keluarga. Seterusnya untuk melihat perbezaan perkara tersebut daripada segi jantina. Walaupun dapatan data kajian ini membuktikan tiada sebarang kaitan antara konsep kendiri dengan komunikasi remaja dengan ibu bapa dan juga masalah yang mengganggu, namun sebenarnya kaitan yang kecil masih terdapat pada setengah perkara.

Oleh itu apa yang hendak disimpulkan di sini ialah pengaruh keluarga sama ada dalam bentuk komunikasi dengan anak, masalah dengan anak, keadaan ibu bapa dan sebagainya tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pembentukan kendiri seseorang remaja. Namun begitu peranan ibu bapa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak terutamanya seorang anak remaja tidak dapat dinafikan kepentingannya memandangkan remaja responden yang dikaji merasakan masih terdapat kekurangan dalam komunikasi mereka dengan ibu bapa dan ada masalah yang mengganggu mereka. Seterusnya apa yang hendak disimpulkan ialah bahawa tidak terdapat perbezaan antara jantina pada konsep kendiri, komunikasi antara anak dengan ibu bapa dan masalah antara anak dengan ibu bapa.

## **5.4 IMPLIKASI**

Setelah mengupas dan membincangkan hasil dapatan secara terperinci dan satu persatu berdasarkan kepada enam hipotesis yang telah dinyatakan, pengkaji akan melihat implikasi kajian tersebut ke atas ilmu pengetahuan secara praktis. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui konsep kendiri remaja dan kaitannya dengan pengaruh keluarga di sebuah sekolah di Terengganu.

Kajian ini dijangkakan akan dapat memberikan implikasi kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung dengan pelajar-pelajar remaja seperti pihak sekolah, ibubapa, kaunselor dan mereka yang terlibat dengan pembangunan insan dan rohani remaja akan kepentingan mengetahui dan memahami ilmu yang berkaitan dengan konsep kendiri.

Hasil kajian ini diharapkan akan dapat menyedarkan pihak sekolah tentang kepelbagaiannya konsep kendiri seseorang remaja dan perbezaan sikap serta tingkahlaku mereka. Ini adalah kerana ia sangat penting dalam berurusan dengan mereka sehari-hari di sekolah. Para guru juga harus memahami bahawa peranan mereka yang penting selain daripada meningkatkan mutu akademik pelajar, juga adalah untuk meningkatkan konsep kendiri pelajar agar berkendiri positif dan membanggakan. Dapatan kajian ini akan dapat membantu para guru bahawa seorang remaja itu tidak dipengaruhi sepenuhnya oleh keluarga dalam pembentukan kendiri mereka. Jadi di sinilah bermulanya peranan guru untuk membantu mereka membentuk peribadi yang mulia. Apa yang perlu diingatkan

oleh para guru ialah tidak semestinya peribadi yang negatif itu berpunca daripada rumah kerana ternyata dalam kajian ini, bukan pengaruh keluarga yang mempengaruhi peribadi mereka.

Seterusnya diharapkan kajian ini akan dapat membantu para ibu bapa yang mempunyai anak remaja ataupun bakal mempunyai anak remaja supaya lebih memahami dan mendalami perasaan dan kehendak anak-anak remaja mereka. Walaupun daptan kajian ini membuktikan bahawa tiada kaitan dengan pembentukan kendiri remaja, namun apa yang tidak dapat dinafikan ialah kemesraan dan perhatian daripada ibu bapa adalah sangat diperlukan oleh mereka. Kesedaran ibu bapa tentang pertumbuhan peribadi anak remaja akan merapatkan lagi hubungan antara mereka dan menjauhkan jurang yang sentiasa ada pada peringkat remaja dengan kedua ibu bapa mereka. Golongan remaja sentiasa berusaha untuk mencapai kebebasan diri mereka kerana merasakan mereka telah dewasa. Pada peringkat inilah sepatutnya semua ibu bapa cuba membantu para remaja dan tidak sekadar menyalahkan mereka ataupun menyindir. Dapatan kajian ini akan dapat membantu ibu bapa dalam memahami segala kehendak remaja dan cuba menyesuaikan kehendak mereka selaras dengan kehendak ibu bapa pula. Begitu juga daripada segi berkomunikasi, telah terbukti bahawa cara sesetengah ibu bapa berkomunikasi telah tidak dipersetujui remaja, kerana mungkin mereka memandangnya daripada sudut yang berlainan dengan sudut pandangan ibu bapa. Oleh itu ibu bapa seharusnya cuba mengkaji cara komunikasi mereka agar segala mesej yang hendak mereka sampaikan akan difahami oleh anak-anak mereka.

Kaunselor juga diharapkan akan dapat memperolehi manfaat daripada daptan kajian ini. Kaunselor akan dapat memahami dengan lebih mendalam lagi akan konsep kendiri seseorang remaja dan akan memudahkan lagi kerja-kerja mereka sepanjang berurusan dengan remaja ketika mendengar segala masalah mereka. Disamping meneroka keadaan diri remaja, kaunselor akan mengetahui betapa pentingnya juga meneroka perhubungan mereka dengan ibu bapa, rakan sebaya dan lain-lain pengaruh. Apa yang perlu diingat oleh seorang kaunselor ialah bahawa remaja sentiasa mencari identiti mereka. Oleh itu mereka perlu dibantu disamping wujudnya perkembangan kognitif dan intelek mereka supaya mereka akan lebih berupaya membentuk satu konsep yang positif dan membanggakan. Di samping itu, kaunselor juga berperanan menyebarkan maklumat tentang apa itu konsep kendiri remaja dan bagaimana untuk mengenalpastinya kepada semua pihak. Ini adalah bertujuan supaya semua pihak akan dapat berurusan dengan golongan remaja secara sihat dan positif.

Selain itu diharapkan daptan kajian ini akan dapat membantu golongan yang sentiasa berurusan dengan golongan remaja supaya tidak hanya menyalahkan mereka sekiranya berlaku sesuatu peristiwa dan juga tidak hanya menuding jari kepada ibu bapa kerana telah terbukti bukan hanya pengaruh ibu bapa yang memberi kesan ke atas konsep kendiri para remaja. Seterusnya mereka akan dapat mengetahui dengan lebih baik tentang konsep kendiri dan remaja, yang membolehkan mereka lebih memahami pergolakan dan percanggahan dalaman yang sedang dihadapi remaja. Oleh itu sebelum

mereka hanya mencari kesalahan, mereka akan terlebih dahulu mencari punca permasalahan tersebut.

Akhirnya kajian ini juga diharapkan boleh menjadi panduan atau rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang berminat untuk mendalami tajuk ini. Selain itu mereka boleh mengkaji dalam faktor-faktor lain dan bukannya pengaruh keluarga seperti kajian ini. Oleh itu pengkaji seterusnya bolehlah menghasilkan kajian yang lebih baik berbanding dengan kajian ini.

## 5.5 CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan yang telah dibincangkan dan dibuktikan, pengkaji ingin memberikan beberapa cadangan bagi membantu kajian seterusnya agar memperolehi lebih banyak lagi kefahaman yang mencakupi segala ilmu yang berkaitan dengan konsep kendiri dan remaja. Oleh yang demikian ia akan dapat membantu semua pihak yang terlibat dengan golongan remaja seperti pihak sekolah, ibu bapa, kaunselor, masyarakat, pengkaji dan sebagainya.

Pertama sekali pengkaji ingin mencadangkan agar kajian-kajian yang seterusnya menumpukan kepada pengaruh lain dan kaitannya dengan konsep kendiri, bukannya pengaruh keluarga seperti kajian ini. Ini bertujuan supaya dapat diketahui dengan jelas apakah sebenarnya yang merupakan pengaruh yang paling besar dalam pembentukan kendiri seseorang, sama ada keluarga, rakan sebaya, sekolah ataupun masyarakat.

Seterusnya cadangan supaya melakukan kajian tersebut pada beberapa buah sekolah dan bukannya hanya pada sebuah sekolah sahaja seperti mana dalam kajian ini. Apabila dilakukan terhadap banyak buah sekolah, tentulah dapatannya akan dapat melihat dengan lebih meluas lagi. Oleh itu diharapkan agar kajian-kajian yang akan datang akan mengambil kira faktor skala yang lebih meluas lagi.

Kajian ini juga hanya dilakukan kepada sebuah sekolah di dalam kawasan bandar. Oleh itu dapatannya hanya boleh dipopulasikan di kawasan bandar sahaja. Sekiranya kajian-kajian seterusnya menjalankan kajian di kawasan luar bandar pula, maka bolehlah dapatannya dipopulasikan kepada pelajar bandar pula. Tujuannya adalah untuk melihat perbandingan dan perbezaan bagi kedua-dua dapatan tersebut.

Kajian yang dijalankan ini adalah ditujukan kepada pelajar-pelajar tingkatan empat sahaja yang terdiri daripada mereka yang berumur 15 tahun dan juga 16 tahun. Oleh itu dapatannya hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar yang berusia 15 dan 16 tahun, tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan pelajar remaja kerana peringkat umur remaja masih luas. Oleh itu pengkaji ingin mencadangkan agar kajian seterusnya lebih meluaskan skop kajian dengan diperluaskan subjek kajian dan peringkat umur subjek. Dengan yang demikian barulah dapatannya boleh digeneralisasikan kepada golongan remaja di kawasan yang hampir sama dengannya.

Cadangan yang seterusnya ialah agar dalam kajian yang selepas ini akan memilih subjek kajian yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Ini adalah kerana dalam kajian ini hanya ditumpukan kepada pelajar-pelajar yang berbangsa melayu dan beragama Islam. Oleh itu dapatan kajian ini hanya sesuai dilihat daripada konteks tersebut. Akan tetapi sekiranya subjek terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, mungkin dapatannya adalah berbeza.

Pengkaji juga ingin mencadangkan agar pihak ibu bapa lebih memainkan peranan mereka dalam membentuk konsep kendiri remaja, kerana pertumbuhan remaja adalah paling penting pada peringkat remaja kerana pada masa inilah sebenarnya mereka mencari-cari satu model untuk mereka contohi. Sekiranya ibu bapa hanya bersikap mementingkan diri mereka sendiri, maka sudah tentu remaja akan memilih model lain sebagai ikutan seperti rakan sebaya dan lain-lain. Apa yang pentingnya ialah ibu bapa mesti bersikap lebih terbuka dan memahami anak-anak mereka, bukannya sekadar menyalahkan mereka dan menghukum tanpa memeriksa puncanya.

Cadangan yang seterusnya ialah kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dengan golongan remaja supaya lebih memahami pembentukan konsep kendiri remaja dan apa sebenarnya yang mempengaruhi pembentukan tersebut. Apabila keadaan seseorang remaja difahami dan dikenalpasti, maka barulah sebarang keputusan yang dibuat adalah berlandaskan kebenaran dan pemikiran yang rasional.